



**BERGAMBAR...**simbolik perasmian acara, Vina (tengah) memotong riben pada kelopak bunga.



**VINA** (tiga dari kiri) menyampaikan sijil graduasi kepada pelajar.

# Ibu bapa perlu beri pendedahan kepada anak-anak penting jaga alam semulajadi

NST 3.11.2019 4

**KOTA KINABALU:** Ibu bapa diseru memberi pendedahan kepada anak-anak khususnya mengenai kepentingan menjaga dan memelihara alam semulajadi dan hutan tropika.

Didikan dan pendedahan awal bermula dari pendidikan sejak taman asuhan dan tabika mampu memberi gambaran awal tentang tanggungjawab anak-anak kepada alam semulajadi.

Pengarah Pusat Minda Lestari Universiti Malaysia Sabah (PMLUMS) Aidah Noordin berkata kerjasama ibu bapa dan warga pendidik yang berterusan diperlukan bagi membantu anak-anak dari tabika ke alam persekolahan formal.

“Usaha menuju ke puncak disusuli dengan banyak laluan sukar yang perlu ditempuhi dan oleh kerana itu semua pihak

perlu berganding bahu bagi memastikan perkembangan anak-anak mengikut tahap umur yang sepatutnya,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa hadir dalam Majlis Graduasi Murid Pusat Minda Lestari kali ke-9 disini kelmarin.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Pendaftar UMS Vina Zahriani Yusof.

Seramai 32 murid-murid enam tahun menerima sijil graduasi dalam majlis itu.

Turut berlangsung persembahan tarian berkumpulan oleh kanak-kanak PMLUMS empat tahun dan lima tahun.

Majlis tersebut bertemakan Keajaiban Rimba Tropika.  
**OLEH ZAFIRA SHAFIE**